



## RINGKASAN EKSEKUTIF



# DRAF PTKL 2040

BANDAR UNTUK SEMUA

## DRAF PELAN TEMPATAN KUALA LUMPUR 2040



# RINGKASAN EKSEKUTIF

# DRAF PTKL2040

## BANDAR UNTUK SEMUA

# DRAF PELAN TEMPATAN KUALA LUMPUR 2040



DRAF PTKL2040

Draf Pelan Tempatan Kuala Lumpur 2040 (PTKL2040) disediakan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dengan mengambil kira semua keperluan dan pandangan daripada pelbagai kumpulan yang terdiri daripada kumpulan profesional, agensi kerajaan, industri, kumpulan berkepentingan dan komuniti setempat.

Draf PTKL2040 menterjemah wawasan jangka panjang ke arah **Bandar untuk Semua** dengan memperkuatkannya perancangan Kuala Lumpur selaras dengan agenda kemampaman. Kandungan dokumen Draf PTKL2040 ini mengandungi dua (2) Jilid iaitu Jilid 1 dan Jilid 2. Dokumen yang menjadi asas dan justifikasi kepada cadangan zon guna tanah dan intensiti terkandung dalam Jilid 1, Draf PTKL2040. Pelan ini menetapkan strategi perancangan dan mengenal pasti cadangan pelaksanaan pembangunan Kuala Lumpur menjelang tahun 2040. Draf PTKL2040 ini akan digunakan oleh DBKL untuk menilai sebarang permohonan pembangunan serta menjalankan tugas berkaitan dengan fasa pembangunan Kuala Lumpur.

Dokumen ini menyediakan rangka kerja pentadbiran dan panduan kepada DBKL dalam melaksanakan tugasnya sebagai pihak berkuasa tempatan dengan turut mengambil kira pencapaian PBRKL 2020.

Oleh itu, DBKL turut merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat sama ada di peringkat Persekutuan, Negeri, Tempatan serta Komuniti dalam memberi sumbangan dan kerjasama dalam menjayakan penyediaan Draf PTKL2040.





Projek Sungai Nadi Kehidupan (RoL) bertujuan untuk mewujudkan identiti Sungai Klang dan Lembangan Sungai Gombak supaya menjadi kawasan pinggir sungai yang ikonik dan dinamik untuk menghubungkan semula Sungai, Bandar dan Rakyat serta meningkatkan nilai ekonomi sekitar.



Menara Merdeka 118 menjadi mercu tanda kebanggaan terbaharu rakyat Malaysia. Bangunan pencakar langit ini mempunyai makna sentimental berkenaan liku-liku yang ditempuh oleh pejuang-pejuang negara untuk mencapai kemerdekaan. Menara Merdeka 118 juga menjadi cerminan kepada pembangunan Malaysia merentasi susur galur sejarah, dan cabaran yang ditempuhi.

## HIERARKI DRAFT PTKL2040

Draf PTKL2040 adalah berada di peringkat ketiga dalam rangka hierarki penyediaan pelan pembangunan iaitu diperingkat tempatan. Ia merupakan salah satu komponen utama Pelan Pembangunan Kuala Lumpur yang disediakan Akta (Perancangan) Wilayah Persekutuan 1982 (Akta 267).

## AKTA 267 PERINGKAT TEMPATAN KUALA LUMPUR

Dokumen Kawalan Perancangan

**SEKSYEN 13(2)**  
Peringkat 1 – Terma Rujukan  
Peringkat 2 – Laporan Awal  
Peringkat 3 – Laporan Penemuan  
Peringkat 4 – Laporan Draf PTKL2040

**SEKSYEN 15**  
Peringkat 6 – Pendengaran Awam  
**SEKSYEN 16(1)**  
Peringkat 7 – Kelulusan Menteri

**SEKSYEN 17**  
Perubahan, Pemansuhan dan Penggantian Pelan Tempatan

**SEKSYEN 14**  
Peringkat 5 – Publisiti

**SEKSYEN 16(2)**  
Peringkat 8 – Penerimaan Draf PTKL2040




# PIHAK YANG TERLIBAT DALAM SIRI RUNDINGAN AWAM PENYEDIAAN DRAFT PTKL2040



# BENTUK DAN KANDUNGAN DRAFT PTKL2040

## JILID 1

- MENGURUS PERANCANGAN BANDAR**
- Mekanisma &
  - Panduan Kawalan Pembangunan




### Bahagian 1 : Kawalan Perancangan

- Zon Guna Tanah
- Intensiti Pembangunan
- Lapisan Kawalan Perancangan
- Insentif Pembangunan



### Bahagian 2: Peta Zon Guna Tanah dan Intensiti (KLDCP2024)

- 269 Peta Grid menunjukkan
- Zon Guna Tanah
  - Intensiti
  - Lapisan Kawalan Perancangan & Insentif Nisbah Plot




### Bahagian 3: Kelas Kegunaan Tanah dan Bangunan 2024 (CULB2024)

- CULB UMUM
- CULB Khas
  - CULB Khas Kawasan
  - CULB Khas Kampung

## JILID 2


- MEGGALAKKAN PEMBANGUNAN BANDAR**
- Cadangan &
  - Tindakan Pembangunan Masa Hadapan



Terjemahan dan penyelarasan dasar PSLK2040 serta agenda pembangunan ke dalam bentuk berikut:

- Strategi Perancangan
- Cadangan Pelaksanaan
- Inisiatif Pelaksanaan

## Pendekatan Pelaksanaan




# ASPIRASI KUALA LUMPUR

## Agenda Mampan Global



## Agenda Mampan Nasional




## Agenda Mampan Wilayah Persekutuan




Jambatan Saloma atau *Saloma Link* adalah jejantas pejalan kaki yang menghubungkan Kampung Bharu dan Jalan Ampang. Pembinaan Jambatan Saloma bertemakan konsep sireh junjun yang menjadi sebahagian daripada adat perkahwinan Melayu.


# KONSEP PEMBANGUNAN SPATIAL DRAFT PTKL2040




ZON KAWALAN 1 : PUSAT UTAMA



ZON KAWALAN 2 : PUSAT SEKUNDER



ZON KAWALAN 3 : PUSAT SOKONGAN



# KONSEP PEMBANGUNAN SPATIAL DRAFT PTKL2040

01

## Zon Kawalan Pembangunan

- Pusat Utama (Pusat Bandar Raya)
- Pusat Sekunder (Lingkaran antara sempadan Pusat Bandar Raya dan jaringan koridor MRT 3)
- Pusat Sokongan (Kawasan diluar jaringan koridor MRT 3)

02

## Taburan Pusat Pertumbuhan Bandar

- Pusat Pertumbuhan Utama berperanan sebagai pusat pertumbuhan yang terletak dalam sempadan Pusat Bandar Raya dengan kedudukan hierarki tertinggi bagi semua pusat pertumbuhan
- Pusat Pertumbuhan Sokongan berperan sebagai kawasan pembangunan berskala besar yang menghubungkan pusat pertumbuhan utama di sekeliling Pusat Bandar Raya serta dihubungkan oleh jajaran rel transit ke pusat bandar
- Pusat Pertumbuhan Daerah merupakan pusat pertumbuhan yang terletak dalam sempadan Pusat Bandar Raya dengan kedudukan hierarki tertinggi bagi semua pusat pertumbuhan
- Pusat Pertumbuhan Tempatan merupakan kawasan tumpuan masyarakat dalam mendapatkan barang dan perkhidmatan di peringkat komuniti

03

## Jaringan Pengangkutan Awam (Berasaskan Rel dan Stesen Transit)

- Penyediaan jaringan pengangkutan dipertingkatkan dengan penambahbaikan laluan rel iaitu cadangan laluan MRT3 selain LRT, Monorel, Komuter, MRT1 dan MRT2
- Stesen transit menggunakan konsep pembangunan berorientasikan transit (TOD) di pusat bandar raya
- Corak pembangunan di sekitar kawasan transit :
  - Berintensiti tinggi
  - Pembangunan bercampur.
  - Menggalakkan penyediaan perumahan mampu milik, penawaran kemudahan kediaman
  - Perhubungan pelbagai jenis perkhidmatan
  - Kemudahan mampu meningkatkan aksesibiliti penduduk dengan keadaan jarak berjalan kaki dalam radius 400 meter

04

## Koridor Hijau dan Biru

- Berpotensi dihubungkan bagi membentuk Nodus Ekoologi Bandar berfungsi sebagai kawasan habitat biodiversiti bandar
- Memastikan kesinambungan rangkaian ekologi bandar dan menggalakkan mobiliti aktif (laluan pejalan kaki dan kenderaan mikromobiliti)
- Koridor hijau
  - Taman-taman awam dan kawasan lapang
- Koridor biru
  - Rizab sungai, parit dan badan air
- Koridor biru dan hijau
  - Taman awam
  - Kawasan lapang
  - Badan air dan dihubungkan dengan rizab sungai
  - Talian rentis dan tepian lebuh raya

05

## Pengurusan Kawasan Khas (PKK)

- Kawasan khas yang perlu dipulihara dan dipelihara bagi keselimbangan ekosistem serta mengurangkan kesan perubahan iklim
- Sebagai langkah pengurusan risiko bencana dan iklim agar Kuala Lumpur menjadi sebuah Bandar Raya yang berdaya tahan



# JILID 1 BAHAGIAN 1: KAWALAN PEMBANGUNAN

## Zon Guna Tanah dan Intensiti

### 01 PRINSIP PENENTUAN ZON GUNA TANAH DRAF PTKL2040

Zon guna tanah yang ditetapkan dalam Draf PTKL2040 ditentukan berdasarkan **12 perkara utama**

- |           |  |
|-----------|--|
| <b>01</b> | Zon Guna Tanah PBRKL2020   |
| <b>02</b> | Addendum PBRKL2020   |
| <b>03</b> | Perubahan 1, 2, 3 dan 4 PBRKL 2020   |
| <b>04</b> | Kelulusan Pemberimilikan Tanah oleh JKTWP atau Pengeluaran Hak Milik Tanah dan Syarat Nyata Tanah          |
| <b>05</b> | Trend Kelulusan Pembangunan Sekitar  |
| <b>06</b> | Status Terkini Perancangan Tanah-tanah Kerajaan, Tanah Datuk Bandar dan Keputusan Daripada Mesyuarat JKTWP |
| <b>07</b> | Perancangan Semula Kawasan Kampung Tradisi, Kampung-kampung dan Kawasan Rizab Melayu                       |
| <b>08</b> | Perancangan Semula Kawasan Industri  |
| <b>09</b> | Perancangan semula Zon Guna Tanah Kediaman Stabil (EH)   |
| <b>10</b> | Pengesahan Tapak Kemudahan Masyarakat, Institusi, Kawasan Lapang, Infrastruktur dan Utiliti dalam Sesi TWG |
| <b>11</b> | Perancangan Pembangunan di Sekitar Infrastruktur Baharu Termasuk MRT3                                      |
| <b>12</b> | Penyelarasian Peta Asas  |

# JILID 1 BAHAGIAN 1: KAWALAN PEMBANGUNAN

## Zon Guna Tanah dan Intensiti

### 02 PERBEZAAN ZON GUNA TANAH PBRKL2020 & DRAF PTKL2040

Zon guna tanah yang ditetapkan dalam Draf PTKL2040 ditentukan berdasarkan **fungsinya dan kegunaan utamanya**



Zon baharu merujuk kepada R4, PF2 dan TV2. Manakala, OS2 dipindahkan kepada OS3. Kini, OS2 memfokus kepada kawasan lapang awam pasif.

# JILID 1 BAHAGIAN 1: KAWALAN PEMBANGUNAN

## Intensiti Pembangunan

### 03 KAWALAN PERANCANGAN INTENSI PEMBANGUNAN DRAF PTKL2040

Intensiti pembangunan di Kuala Lumpur dikawal melalui:



Draf PTKL2040 mengguna pakai kawalan nisbah plot dan kawalan ketinggian bangunan untuk mengantikan penggunaan kawalan kepadatan di Kuala Lumpur. Fleksibiliti pemakaian kawalan kepadatan hanya bagi unit bersaiz besar (1,600 kp)

# JILID 1 BAHAGIAN 1: KAWALAN PEMBANGUNAN

## Intensiti Pembangunan

### RINGKASAN KAWALAN NISBAH PLOT DAN KETINGGIAN PEMBANGUNAN DRAF PTKL2040

### 04 Intensiti Nisbah Plot dan Kawalan Ketinggian

#### Perdagangan dan Pembangunan Bercampur

Zon Guna Tanah	Nisbah Plot Asas	Kawalan Ketinggian
Perdagangan Pusat Bandar Raya (CCC)	Sehingga 1:10	<ul style="list-style-type: none"> <li>Ketinggian bangunan 7 sehingga 14 tingkat</li> <li>Ketinggian bangunan sehingga 7 tingkat di Zon Warisan Sekunder, bangunan rumah kedai, tapak infill dan pembangunan semula lot, kawasan warisan dengan pengekalan karakter khas, Jalan Doraisamy dan Jalan Kamunting</li> </ul>
Perdagangan Utama (MC)	Sehingga 1:8	<ul style="list-style-type: none"> <li>Ketinggian bangunan sehingga 14 tingkat di Pusat Bandar Raya</li> <li>Ketinggian bangunan sehingga 10 tingkat di Zon Karakter Khas</li> <li>Ketinggian bangunan sehingga 8 tingkat di luar Pusat Bandar Raya</li> <li>Ketinggian bangunan sehingga 7 tingkat di Zon Warisan Sekunder dan Zon Karakter Khas, bangunan rumah kedai, tapak infill dan pembangunan semula lot dalam kawasan zon warisan</li> <li>Ketinggian bangunan sehingga 3 tingkat terhad kawasan bangunan hadapan Kompleks SOGO, Jalan Tuanku Abdul Rahman dan Jalan Tun Perak</li> </ul>
Perdagangan (C)	Sehingga 1:8	<ul style="list-style-type: none"> <li>Ketinggian bangunan sehingga 10 tingkat bagi kawasan zon warisan di Jalan Bukit Candan Off Jalan Ipoh</li> <li>Ketinggian bangunan sehingga 6 tingkat dan perlu mengelakkan fakad asal bangunan jika ia melibatkan bangunan lama berkepentingan warisan</li> <li>Ketinggian bangunan sehingga 3 tingkat terhad kepada kawasan bangunan di Jalan Suasa, Jalan Suasa 3, 4 dan 5, Pekan Sungai Besi.</li> <li>Ketinggian bangunan di luar pusat bandar di antara 2 hingga 6 tingkat (kecuali Lot 25-29 dan Lot 33-39)</li> </ul>
Perdagangan Tempatan (LC)	Sehingga 1:2	<ul style="list-style-type: none"> <li>Ketinggian bangunan sehingga 4 tingkat</li> </ul>
Pembangunan Bercampur (MX)	Sehingga 1:8	

\*Nota: Penetapan nisbah plot sebenar adalah tertakluk kepada setiap plot yang perlu merujuk kepada DCP2 - Peta Intensiti, walaupun Draf PTKL2040 menyatakan nisbah plot asas maksimum bagi zon guna tanah tertentu antaranya sehingga 10 bagi CCC, sehingga 4 bagi R3, sehingga 4 bagi industri dan sebagainya.

#### Industri

Zon Guna Tanah	Nisbah Plot Asas	Kawalan Ketinggian
Industri (IP)	Sehingga 1:4	-
Industri Bercampur (MXI)	Sehingga 1:4	-
Taman Teknologi (TP)	Sehingga 1:3	-

#### Kediaman, Perkampungan Tradisi dan Institusi

Zon Guna Tanah	Nisbah Plot Asas	Kawalan Ketinggian
Kediaman 1 (R1)	-	<ul style="list-style-type: none"> <li>Ketinggian bangunan tidak melebihi ketinggian 3 tingkat termasuk strata bertanah dengan ketinggian 4 aras berdasarkan garis panduan yang ditetapkan</li> </ul>
Kediaman 2 (R2)	Sehingga 1:2.5	-
Kediaman 3 (R3)	Sehingga 1:4	-
Kediaman 4 (R4)	Sehingga 1:6	-
Perkampungan Tradisi 1 (TV1)	-	<ul style="list-style-type: none"> <li>Ketinggian bangunan sehingga 3 tingkat dan karakter reka bentuk bercirikan tradisi rumah Melayu</li> </ul>
Perkampungan Tradisi 2 (TV2)	Sehingga 1:2	-
Kediaman Stabil (EH)	-	<ul style="list-style-type: none"> <li>Ketinggian bangunan sehingga 3 tingkat dan tiada perubahan ketara dari aspek karakter dan fakad</li> </ul>
Institusi (INT)	Sehingga 1:4	-

# JILID 1 BAHAGIAN 1: KAWALAN PEMBANGUNAN

## Lapisan Kawalan Perancangan

### LAPISAN KAWALAN PERANCANGAN DRAF PTKL2040

05

Kawalan tambahan yang dikenakan selain daripada yang ditetapkan dalam peta zon guna tanah dan peta intensiti



- 7 LAPISAN KAWALAN PERANCANGAN MELIPUTI :**
- 01 Lapisan Kawalan Perancangan bagi Nisbah Plot Pelan Susun Atur
  - 02 Lapisan Kawalan Perancangan bagi Koridor Tepian Sungai, Tasik dan Kolam
  - 03 Lapisan Kawalan Perancangan bagi Kawasan atau Bangunan Warisan
  - 04 Lapisan Kawalan Perancangan bagi Zon Kawalan Ketinggian Sekitar Istana Negara
  - 05 Lapisan Kawalan Perancangan bagi Garisan Visual Ke Arah Mercu Tanda
  - 06 Lapisan Kawalan Perancangan bagi Kawasan Lapang Awam Dalam Skim Persendirian (OS4)
  - 07 Lapisan Kawalan Perancangan bagi Rumah Mampu Milik (RMM)

# JILID 1 BAHAGIAN 1: KAWALAN PEMBANGUNAN

## Insentif Nisbah Plot

### INSENTIF NISBAH PLOT DRAF PTKL2040

06

Tambahan luas lantai yang dipertimbangkan kepada pembangunan yang memenuhi syarat kelayakan

### 4 INSENTIF NISBAH PLOT

01 Zon Perancangan Transit (TPZ)

02 Cantuman Lot

03 Pembangunan Semula

04 Pembangunan dengan Komponen Mampu Milik

### TUJUAN PEMBERIAN INSENTIF NISBAH PLOT :

01 Menaiktaraf kawasan usang / rundown kepada pembangunan yang lebih berkualiti dan berdaya huni.

02 Menggalakkan pembangunan yang boleh memberi nilai tambah dan menyumbang ke arah peningkatan kualiti persekitaran alam bina dan kemampuan bandar.

03 Menggalakkan penyediaan infrastruktur dan utiliti yang lebih selesa.

04 Menggalakkan penggunaan pengangkutan awam.


05 Meningkatkan penyediaan rumah mampu milik.

# JILID 1 BAHAGIAN 2 : PETA ZON GUNA TANAH DAN INTENSITI (KLDCP2024)

## Zon Guna Tanah

01


DCP 1- Peta Zon Guna Tanah



- Perdagangan**
- Perdagangan Pusat Bandar Raya (CCC)
  - Perdagangan Utama (MC)
  - Perdagangan (C)
  - Perdagangan Tempatan (LC)
- Industri**
- Industri Bercampur (MXI)
  - Industri (IP)
  - Taman Teknologi (TP)
- Pembangunan Bercampur**
- Pembangunan Bercampur (MX)
- Kediaman**
- Kediaman 1 (R1)
  - Kediaman 2 (R2)
  - Kediaman 3 (R3)
  - Kediaman 4 (R4)
  - Kediaman Stabil (EH)
  - Perkampungan Tradisi 1 (TV1)
  - Perkampungan Tradisi 2 (TV2)
- Institusi**
- Institusi (INT)
- Kemudahan Masyarakat**
- Kemudahan Masyarakat Awam (PF1)
  - Kemudahan Masyarakat Swasta (PF2)
- Perkuburan**
- Perkuburan dan Pengurusan Mayat (CE)
- Infrastruktur dan Utiliti**
- Infrastruktur dan Utiliti (IU)
  - Badan Air (BDA)
- Pengangkutan**
- Pengangkutan (TR)
- Kawasan Lapang**
- Kawasan Lapang Awam 1 (OS1)
  - Kawasan Lapang Awam 2 (OS2)
  - Kawasan Lapang Swasta (OS3)
  - Hutan Simpan (FR)
- Lain-lain**
- Sempadan Kuala Lumpur

02

DCP 2- Peta Intensiti



- Nisbah Plot Kediaman**
- NP 1:0.5
  - NP 1:1.5
  - NP 1:2
  - NP 1:2.5
  - NP 1:3
  - NP 1:3.5
  - NP 1:4
  - NP 1:5
  - NP 1:6
- Nisbah Plot Bukan Kediaman**
- NP 1:2
  - NP 1:3
  - NP 1:4
  - NP 1:5
  - NP 1:6
  - NP 1:7
  - NP 1:8
  - NP 1:10
- Kawalan Ketinggian Teres Perdagangan**
- 2 Tingkat
  - 3 Tingkat
  - 4 Tingkat
  - 5 Tingkat
  - 6 Tingkat
  - 7 Tingkat
  - 10 Tingkat
  - 14 Tingkat
- Kawalan Ketinggian Kediaman**
- 2 Tingkat
  - 3 Tingkat
- Lain-lain**
- Jalan Raya
  - Sempadan
  - Kuala Lumpur

# JILID 1 BAHAGIAN 3 : KELAS KEGUNAAN TANAH DAN BANGUNAN 2024 (CULB2024)

## Kelas Kegunaan Tanah dan Bangunan 2024 (CULB2024)

### KELAS KEGUNAAN TANAH DAN BANGUNAN DRAFT PTKL2040

01

Kawalan pembangunan yang dikenakan bagi setiap zon guna tanah dan kawasan yang dikenalpasti (kawasan tertentu atau kampung) untuk menjalankan aktiviti berkaitan atau bersesuaian serta perancangan yang ditetapkan bagi menyokong kegunaan utama setiap zon guna tanah

#### DRAFT PTKL2040

##### KELAS KEGUNAAN TANAH DAN BANGUNAN 2024 (CULB2024)

Jadual Kelas Kegunaan Tanah dan Bangunan Umum (CULB UMUM)



Jadual Kelas Kegunaan Tanah dan Bangunan Khas (CULB Khas)



**25** (CULB KHAS KAMPUNG)

#### CULB UMUM

##### TUJUAN PENENTUAN CULB UMUM

01 Menetapkan kawalan pembangunan bagi **25 zon guna tanah**

Mengenal pasti dan menggariskan jenis aktiviti berkaitan yang bersesuaian serta tidak bercanggah dengan maksud zon guna tanah tersebut

03 Aktiviti yang dibenarkan dengan syarat menggariskan kawalan-kawalan bersesuaian yang terdiri daripada aspek lokasi, kapasiti, aksesibiliti dan implikasi sosial dan persekitaran

Merangkumi perincian aktiviti yang Dibenarkan, Dibenarkan dengan Syarat dan Tidak Dibenarkan berserta dengan syarat-syarat perancangan yang dikenakan

02

04

#### CULB KHAS

##### TUJUAN PENENTUAN CULB KHAS

01 Membenarkan aktiviti bersesuaian yang tidak dibenarkan dalam CULB Umum untuk dipertimbangkan

Membolehkan aktiviti semasa yang bersesuaian di tapak dijalankan tanpa menimbulkan isu kepada penduduk atau kawasan sekitar

03 Memastikan aktiviti tukar guna bangunan tidak menjelaskan tipologi bangunan yang ketara serta mengawal kapasiti pembangunan

Mewujudkan kawalan terhadap kawasan yang mempunyai bentuk aktiviti baharu kerana aktiviti semasa di tapak tidak lagi bersesuaian

02

04


Hab gaya hidup The Exchange TRX yang terletak di Zon Perbankan dan Fintech Kuala Lumpur telah dibuka dengan rasmi pada 29 November 2023. The Exchange TRX merupakan sebahagian daripada pembangunan Tun Razak Exchange yang terdiri daripada kawasan kediaman, pejabat, butik dan hotel.



## JILID 2 : MENGGALAKKAN PEMBANGUNAN BANDAR



### Ringkasan Strategi Perancangan dan Cadangan Pelaksanaan



# 6 MATLAMAT DRAF PTKL2040






**MATLAMAT 1**  
Menggalakkan Pembangunan  
Kuala Lumpur sebagai Bandar Raya  
Inovatif dan Produktif




















Bangunan Sultan Abdul Samad yang terletak di hadapan Dataran Merdeka adalah mercu tanda warisan bagi bandar raya Kuala Lumpur. Bangunan ini diwartakan sebagai Warisan Kebangsaan dalam kategori Tapak Warisan pada 2007.

## RINGKASAN EKSEKUTIF

# DRAF PTKL2040

BANDAR UNTUK SEMUA

## DRAF PELAN TEMPATAN KUALA LUMPUR 2040



# DRAF PTKL2040

BANDAR UNTUK SEMUA